


Bonet injap pelepasan tekanan – perlu dipalamlam atau tidak?

May 2013


Gambar rajah di sebelah kiri menunjukkan spring yang dimuatkan pada injap pelepasan tekanan konvensional. Kemungkinan terdapat ruang pelepasan pada injap pelepasan seperti yang ditunjukkan di bahagian kiri bawah rajah. Jika terdapat ruang pelepasan, ruang tersebut sepatutnya dipalamlam jika injap sedang beroperasi.

Gambar rajah di sebelah kanan pula menunjukkan jenis injap pelepasan tekanan yang berlainan – sebuah injap pelepasan tekanan jenis belosimbangan. Injap jenis ini mempunyai belos di antara proses dan bonet injap. Belos (apabila belos diimbangkan dengan pelepasan ke atmosfera) akan menghalang berlakunya tekanan berbalik dengan memampatkan spring supaya tidak menyebabkan injap pelepasan tekanan terus ditutup, dan ini juga bertujuan untuk menghalang spring daripada terkakis. Ambil perhatian bahawa kemungkinan untuk mengetahui jenis injap pelepasan tekanan yang dipasang adalah sukar jika dilihat dari pandangan luar.

Injap pelepasan tekanan jenis belosimbangan sesuai digunakan untuk pelepasan ke sistem pengumpulan utama dan bukannya terus ke atmosfera. Dalam injap pelepasan tekanan konvensional pula, tekanan pada bonet adalah sama dengan tekanan di hujung, sementara itu tekanan pada bonet injap pelepasan belosimbangan adalah pada tekanan atmosfera. Untuk membolehkan injap beroperasi seperti yang direka, bonet untuk injap pelepasan tekanan belosimbangan mestilah dilepaskan pada tekanan atmosfera – ruang pelepasan mestilah tidak dipalamlam. Ianya juga mestilah dilepaskan di kawasan yang selamat. Ambil perhatian bahawa walaupun terdapat tanda amaran, akan terdapat ruang pelepasan yang dipalamlam pada injap pelepasan tekanan belosimbangan seperti dalam rajah kanan atas (anak panah merah).



KONVENTIONAL



BELOS IMBANGAN

Apa yang boleh anda lakukan?

→ Fahami apakah jenis injap pelepasan tekanan yang digunakan di dalam loji anda, dan tahu apa yang perlu anda lakukan untuk memastikan ianya berfungsi dengan baik.

→ Bertanya adakah terdapat injap pelepasan tekanan belosimbangan di dalam loji anda. Jika ya, pastikan lokasinya diketahui dengan tepat, dan letakkan tanda amaran untuk peringatan kepada semua bahawa ruang bonet mestilah tidak dipalamlam. Mungkin tanda amaran adalah cara yang terbaik untuk menunjukkan jenis injap pada operator loji, dan pekerja penyelenggaraan. Oleh itu, tanda amaran mestilah diletakkan pada tempat yang mudah dilihat.

→ Jika anda lihat terdapat ruang bonet pada injap pelepasan belosimbangan dipalamlam, laporkan dengan segera supaya ianya boleh diperbetulkan.

Fahami injap pelepasan di dalam loji anda!